

KEINDAHAN PULAU REDANG SETANDING MALDIVES

Oleh: Nur Alia binti Mukhzan, 1171086,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 1 September 2020

Hajat di hati memang ingin bercuti ke Maldives yang tersohor dengan keindahan pemandangan pantai dan laut yang sangat memukau.

Memandangkan bajet agak terhad, saya memilih untuk melancong ke pusat peranginan yang tidak kurang hebatnya iaitu Pulau Redang di Terengganu.

Selain kosnya yang jauh lebih rendah berbanding ke Maldives, saya juga ingin melihat sendiri panorama indah di salah sebuah pulau yang terbesar dan tercantik di Pantai Timur itu.

Saya pergi ke Pulau Redang ketika cuti semester dan bertolak pada 8 Ogos 2019. Kembara tersebut saya lakukan secara bersendirian supaya saya dapat lebih menghayati dan menikmati keindahan alam di sana.

Perjalanan bermula dengan menaiki bas dari Kuantan, Pahang ke Terminal Bas Kuala Terengganu. Harga tiket bas cuma RM21 sahaja.

Kemudian, saya berjalan kaki ke Jeti Shahbandar untuk menaiki feri yang bakal membawa saya ke Pulau Redang.

Saya juga mengambil pakej pelancongan bersama Arikiya Redang Village berharga RM330 yang merangkumi tiket feri pergi dan balik, penempatan, makan serta aktiviti-aktiviti lain.



Penulis ketika di Pantai Teluk Dalam.

Sebaik sahaja tiba di Pulau Redang, saya tahu bahawa saya telah membuat pilihan yang tepat untuk melancong ke sini. Pada pandangan saya, Pulau Redang layak digelar sebagai 'Maldives Malaysia'.

Dengan pasir yang putih halus, pemandangan pantai di pulau itu sangat mempesonakan. Pantai Pasir Panjang dan Pantai Teluk Dalam mempunyai keindahan yang luar biasa dan merupakan pantai yang terkenal di Pulau Redang.

Air laut di sekitar Pulau Redang pula berwarna biru jernih dan kita tidak perlu menyelam sehingga ke dasar laut untuk melihat terumbu-terumbu karang yang hidup dan pelbagai jenis ikan yang berwarna-warni serta penyu yang sangat jinak.

Sesiapa sahaja yang bercuti ke pulau pasti melakukan aktiviti selam snorkel untuk meneroka keindahan dasar laut yang mempunyai pelbagai jenis kehidupan marin dan terumbu karang yang berwarna-warni.

Saya juga tidak melepaskan peluang untuk menikmati alam laut yang indah bagaikan berlian di dalam bekas kaca yang jernih.



Pemandangan sekitar Pantai Pasir Panjang atau 'Long Beach' ketika selesai aktiviti merentas hutan yang diketuai Cikgu Zuki.

Keesokannya, saya menyertai kumpulan merentas hutan yang diketuai oleh Cikgu Zuki yang juga pemilik Arikiya Redang Village.

Aktiviti ini memang sangat menarik kerana saya dapat mendekati diri dengan alam sekitar. Malah, warna daun-daun yang menghijau berupaya menyejukkan mata yang memandang dan menenangkan jiwa.

Kami mula merentas dari Pantai Teluk Dalam yang terletak di hujung kampung sehingga ke Pantai Pasir Panjang atau dikenali sebagai 'Long Beach'.

Memang menyeronokkan bercuti di Pulau Redang. Sekiranya anda mempunyai bajet yang terhad, pulau ini merupakan destinasi percutian yang paling sesuai, lebih-lebih lagi apabila mengambil

kira arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang melarang perjalanan yang bukan atas urusan rasmi ke luar negara.

Pulau Redang pun tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan pulau-pulau peranginan di luar negara.

Malah, kunjungan kita ke sini pasti dapat membantu memulihkan industri pelancongan tempatan yang terjejas akibat COVID-19.